

# SPPS kekal juara Olahraga UMS 2013

OLEH JOANES ROBERT JOHNNY  
joanes@newsabahtimes.com.my

**KOTA KINABALU:** Pasukan Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial (SPPS) yang diperkuatkan seramai 40 orang atlet berjaya memenangi 24 pingat emas, 9 perak dan 5 gangsa untuk mengekalkan gelaran juara keseluruhan Kejohanan Olahraga Antara Sekolah Sekolah Kali Ke-15, Universiti Malaysia Sabah (UMS) 2013 yang bermula pada minggu lalu.

Menduduki tempat kedua adalah dari Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial (SPKS) manakala tempat ketiga dimenangi Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (SPE).

Kejayaan kali ini merupakan pencapaian terbaik SPPS khususnya di bawah Ketua

Kontinen, Hasnol Nordin di mana jumlah pingat emas yang dimenanginya itu bertambah berbanding hanya 21 pingat emas pada tahun 2012 dan 18 pingat emas pada tahun sebelumnya.

Kemenangan SPPS itu turut diwarnai dengan pemilihan atletnya, Eldy Sham Erlon dan Emmy Akim selaku penerima Anugerah Olahragawan dan Olahragawati.

Eldy merangkul tiga emas dalam acara 110 lompat pagar, 200m dan 4x100m sementara Emmy yang juga pemenang Olahragawati 2012 meraih empat emas dalam acara 200m, 400m, 4x100m dan 4x400m.

Rekod kejohanan turut tercipta kali ini apabila Eldy berjaya memecahkan rekod 100m lelaki yang dipegang selama 10 tahun manakala Emmy turut memecahkan rekod 400m wanita kepunyaannya yang dicipta

pada 2012.

Anugerah Atlet Harapan Lelaki dan Wanita turut disapu bersih oleh SPPS apabila pelajar Tahun 1, Makenzie Jetol memenangi 2 pingat emas dalam acara Lontar Peluru dan Rejam Lembing manakala Merry Gabalin dinobat gelaran ratu pecut UMS dengan tiga emas melalui acara 100m, 200m dan 4x100m.

Jurulatih SPPS yang juga pensyarah Sekolah Sains Sukan UMS, Dr. Mohamad Nizam Nazarudin gembira dengan pencapaian atlet secara keseluruhannya pada tahun ini.

Beliau menegaskan bahawa UMS sebenarnya mempunyai atlet olahraga yang berpotensi cemerlang di peringkat kebangsaan namun isu ketiadaan jurulatih di peringkat universiti akan membantunkan peluang tersebut.

Justeru, beliau akan berunding dengan rakan pensyarah sains sukan Pathmanathan K. Suppiah, yang juga bekas Pengurus Pembangunan Atlit Olahraga Unit Sukan Teras Prestasi Tinggi, Majlis Sukan Negara untuk membantu latihan atlit olahraga khususnya dari SPPS.

Kejohanan kali ini telah menarik seramai 244 peserta dari 14 sekolah dan sebanyak 28 acara telah dipertandingkan.

Kejohanan ini turut dijadikan tapak pemilihan atlet olahraga UMS ke Kejohanan Olahraga Majlis Sukan Universiti Malaysia (Masum) di Universiti Malaya pada April nanti.

Hadiyah-hadiyah telah disampaikan oleh wakil Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS iaitu dari kalangan pegawai sukan UMS.



JUARA keseluruhan Kejohanan Olahraga UMS 2013, Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial (SPPS).



BANGGA....DR Nizam dan Hasnol bersama Olahragawan dan Olahragawati 2013.



TIGA TERATAS....Juara disandang oleh SPPS, Naib Juara SPKS dan tempat ketiga SPE.



SUKARELAWAN terdiri daripada para pelajar Sekolah Sains Sukan tahun satu dan dua.



PARA pemenang acara 4X400m Wanita, Johan SPPS, Naib Johan SPTA dan tempat ketiga SPE.